

14 APR 2000

Mahathir-Demonstrasi

KERAJAAN BUKAN SESUKA HATI MENANGKAP ORANG, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bukannya sesuka hati mahu menahan kesemua mereka yang menyertai demonstrasi yang dirancang oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di Kuala Lumpur pada Jumaat.

"Jika kita gila menangkap orang buat masa ini, kebanyakan daripada mereka (yang terbabit dalam perhimpunan) sudahpun ditahan," katanya pada persidangan media di sini pada Khamis ketika ditanya sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan digunakan terhadap penunjuk perasaan.

"Tetapi kita rasa kita tahu apa yang berlaku. Kita tidak menahan orang kecuali mereka mendatangkan kemudaratan kepada negara," kata perdana menteri.

Dr Mahathir mempertahankan polis dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman sebelum demonstrasi itu dijalankan.

Perdana menteri berkata kerajaan mempunyai tanggungjawab bagi memastikan negara terus stabil dan aman.

Dr Mahathir yang berada di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Selatan Kumpulan 77, menyindir wartawan asing yang bertanyakan soalan itu dengan berkata: "sudah tentu, kami tidak pandai mentadbir negara berbanding negara maju."

Ditanya oleh wartawan lain sama ada kerajaan menggunakan "taktik menggepar" untuk menakut-nakutkan peserta perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata terpulang kepada pembangkang untuk membuat tanggapan seperti itu.

"Demonstrasi dan keganasan bukan sesuatu yang diterima oleh rakyat Malaysia," kata Dr Mahathir.

Menurutnya kerajaan mempunyai tanggungjawab kepada rakyat untuk memastikan keselamatan mereka.

Perdana Menteri berkata atas sebab itulah kerajaan terpaksa membuat pengumuman mengenai ancaman yang boleh ditimbulkan oleh para penunjuk perasaan berkenaan.

Pada 9 April, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa Keadilan akan mengadakan demonstrasi pada hari Jumaat "bertujuan memperingati sesuatu" dan bahawa mereka (penunjuk perasaan) bersedia untuk menyerang polis, dengan membawa senjata dan kayu.

Dr Mahathir telah berkata ketika itu bahawa para penunjuk perasaan itu sehinggakan sanggup membuat molotov cocktails dan pelbagai lagi benda.

Beliau juga berkata terdapat trend yang semakin meningkat di kalangan parti-parti pembangkang mengambil jalan keluar dengan melakukan keganasan dan melanggar undang-undang bagi menunjukkan rasa tidak puas hati mereka tetapi menggesa orang ramai supaya tidak turut serta.

Ketua Pemuda Keadilan Mohamad Ezam Mohd Noor baru-baru ini dilaporkan mengajak "masyarakat yang prihatin dengan apa yang didakwa ketidakadilan kerajaan menangani perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkumpul beramai-ramai Jumaat ini di Masjid Negara dan sekali lagi pada Sabtu dalam misi menyerahkan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Dalam risalah yang diedarkan kepada orang awam itu, Ezam menggesa mereka menggunakan apa sahaja kenderaan untuk sampai di lokasi perhimpunan yang dikenali "Black 14".

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamaruddin Mohamed Ali dilaporkan berkata bahawa penyokong Keadilan sedang merancang mengadakan demonstrasi haram itu dan menasihatkan orang ramai tidak menyertainya.

-- BERNAMA

ES LAT RON